

PM guna kereta Tunku lancar sambutan kemerdekaan

MM : Ahad 24/6/2007

BAGAN DATOH 23 Jun - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menaiki kereta yang pernah digunakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, semasa melancarkan sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 di Melaka pada 17 Ogos ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata, kereta itu digunakan oleh Perdana Menteri pertama itu ketika mengisytiharkan kemerdekaan tanah air pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

"Bersempena dengan perayaan Jubli Emas, sambutan kemerdekaan tahun ini akan disambut selama setahun bermula 17 Ogos sebaik dilancarkan oleh Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat sambutan kemerdekaan peringkat kawasan Parlimen Bagan Datoh di sini hari ini.

Ahmad Zahid, yang juga Anggota Parlimen Bagan Datoh, berharap rakyat pelbagai kaum tanpa mengira latar belakang agama dan ideologi politik menyertai sambutan ulang tahun kemerdekaan.

Selain itu, semua tokoh veteran UMNO, MCA dan MIC yang terlibat dalam perisytiharan kemerdekaan akan diraikan dalam satu majlis di Stadium Negara pada malam 31 Ogos.

"Kementerian Penerangan turut mengadakan konvoi 50 kereta pacuan empat roda dan 350 motosikal berkuasa besar iaitu 250 dari Malaysia, 50 dari Indonesia dan selebihnya dari Singapura, Brunei, Filipina, Thailand dan Kemboja," katanya.

Beliau berkata konvoi yang bermula di Melaka pada 17 Ogos ini akan berakhir di Putrajaya pada 30 Ogos.